



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
26 Ogos 2021**

ASM 2 WAWASAN ISYTIHAR PENGAGIHAN PENDAPATAN RM921.2 JUTA

Pengagihan pendapatan kekal kukuh pada 4.00 sen seunit

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2021.
- ASM 2 Wawasan mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM921.2 juta yang memanfaatkan 897,145 pemegang unit. Agihan pendapatan yang diisytiharkan sebanyak 4.00 sen seunit berada pada 215 mata asas mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12-Bulan Maybank iaitu sebanyak 1.85% bagi tempoh yang sama.

Kuala Lumpur, 26 Ogos 2021: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM921.2 juta untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan) bagi tahun kewangan (TK) berakhir 31 Ogos 2021.

ASM 2 Wawasan mengisytiharkan pengagihan pendapatan sebanyak 4.00 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2021, yang memanfaatkan 897,145 pemegang unit, iaitu lebih tinggi daripada RM907.3 juta yang diagihkan pada TK2020. ASM 2 Wawasan telah mencatatkan pendapatan bersih direalisasikan sebanyak RM909.6 juta setakat 25 Ogos 2021, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 4.47% dari tahun lalu. Pengagihan pendapatan untuk ASM 2 Wawasan adalah 215 mata asas mengatasi penanda aras Deposit Tetap 12-Bulan Maybank dalam tempoh yang sama iaitu 1.85%.

Prestasi ASM 2 Wawasan umumnya didorong oleh pemulihan pasaran kewangan global dan domestik di sebalik peningkatan kadar kebolehtangkitan COVID-19 dan jangkaan kadar inflasi yang lebih tinggi. Pulangan dana juga disokong oleh impak positif daripada inisiatif kepelbagaian kelas aset PNB yang berterusan. Selain itu, pengurus dana secara beransur-ansur telah meningkatkan pelaburan antarabangsa kepada 20.8% daripada keseluruhan portfolio, berbanding 14.9% pada tahun 2020. Dalam menghadapi persekitaran pasaran yang berubah dengan begitu pantas, PNB terus meneroka peluang pelaburan baharu untuk memastikan portfolio pelaburannya terus berkembang secara lestari

dan lebih berdaya tahan.

Pengiraan pengagihan pendapatan untuk ASM 2 Wawasan adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana. Pengagihan yang diisytiharkan oleh ASM 2 Wawasan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan dan akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 September 2021.

Urus niaga di semua pejabat cawangan dan ejen ASNB untuk ASM 2 Wawasan telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 26 hingga 31 Ogos 2021 untuk memudahkan urusan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di portal myASNB di www.myasnb.com.my atau melalui aplikasi mudah alih, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 September 2021.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 tabung unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 260 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 2 - Wawasan (ASM 2 Wawasan)

ASM 2 Wawasan (dahulunya dikenali sebagai Amanah Saham Wawasan 2020) merupakan unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 28 Ogos 1996. Ia adalah unit amanah aset campuran/dana pendapatan sesuai untuk pelabur yang memahami hubungan kait antara risiko dan pulangan pelaburan serta mengharapkan manfaat dari pertumbuhan jangka panjang hasil pelaburan semula pengagihan pendapatan (sekiranya ada) serta penerimaan pendapatan (sekiranya ada) ke atas pelaburan mereka. Setakat 31 Julai 2021, ASM 2 Wawasan dilanggan oleh 897,199 pemegang unit yang memiliki lebih dari 22.8 bilion unit.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 OGOS 2021

AMANAH SAHAM MALAYSIA 2 - WAWASAN



ASM 2 Wawasan

4.00 sen
seunit

RM 921.2 juta

Jumlah Pengagihan


MEMANFAATKAN

897,145

Pemegang Unit



Agihan Pendapatan Berbanding Penanda Aras



Nota: ¹ Purata Pulangan Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank bagi tahun kewangan setakat 25 Ogos 2021

Prospektus Induk Gantian bertarikh 1 Februari 2020 dan Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my), cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Nasional Berhad (197901003200 (47457-V)). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad (197801001190 (38218-X)).